

07 AUG 1996

UMNO SEDIA HANTAR ANGGOTA-ANGGOTANYA UNTUK BANTU BN S'WAK

SIBU, 7 Ogos (Bernama) -- Umno bersedia menghantar anggota-anggotanya untuk membantu Barisan Nasional (BN) Sarawak menghadapi pilihan raya negeri yang bakal diadakan pada bila-bila masa sekarang.

Setiausaha Agungnya, Datuk Mohamad Rahmat hari ini berkata, pihaknya hanya menunggu "lampu hijau" mengenai bantuan yang diperlukan daripada komponen utama BN Sarawak, iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak.

Bercakap kepada pemberita semasa menunggu ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sibu di sini, beliau berkata, jika PBB merasakan langkah itu perlu, Umno akan menghantar ahli-ahlinya untuk membantu berkempen pada pilihan raya itu.

Sebelum itu, Perdana Menteri telah disambut oleh kira-kira 10,000 orang penduduk daripada pelbagai lapisan masyarakat di sini.

Mereka diketuai oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, menteri-menteri pusat dan negeri, ketua-ketua jabatan dan anggota-anggota parti komponen BN Sarawak, PBB, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (Supp), Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan Parti Bansa Dayak Sarawak.

Malam ini, Perdana Menteri akan menghadiri satu majlis makan malam bersama rakyat di Dewan Suarah. Beliau akan berlepas ke Mukah pagi esok untuk merasmikan program Gerakan Mesra.

Pada sebelah petangnya Dr Mahathir akan berlepas ke Kuching bagi merasmikan kilang Komag (Malaysia) Sdn Bhd di Estet Perindustrian Sama Jaya dan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pagi Jumaat. -- BERNAMA

AHM WAT